PBA

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

# BULETIN

08/2018 UNTUK EDARAN DALAMAN SAHAJA.

**NOV 2018**

06 MSOSH Award

11 2018 MWA Awards

12 PBHB Group Corporate Dinner

16 PBAPP-MWA Friendly Games



## SIDANG EDITORIAL 2018

| | | |
|---|---|---|
| Penaung | : | Dato' Ir. Jaseni Maidinsa |
| Editor | : | Syarifah Nasywa Syed Feisal Barakbah |
| Penyumbang | : | En. Puspanathan a/l Krishnan |
| | | Pn. Siti Aminah bt Man |
| | | En. Mohideen Abdul Kader bin Abdul Hamid |
| | | En. Razali bin Ismail |
| | | Pn. Noorfariza bt Samsudim |
| Fotografi | : | En. Rajendren a/l Sugoomaran |

*Terbitan Unit Komunikasi Korporat dan Pengurusan Acara, PBAPP.*

# CONTENTS

02 | Table of contents

03 | CEO's Message

04 | SKM-PPT

05 | QSH Green Activities

06 | Anugerah MSOSH

07 | Perarakan Hari Kebangsaan Ke-61

08 | Mengharamkan Pembalakan di Ulu Muda

09 | AMPG Run

10 | Chief Minister's Visit To MDEP

11 | MWA Awards 2018

12 | PBAHB Group Corporate Dinner

15 | Anugerah Perkhidmatan 25 Tahun dan 35 Tahun

16 | PBAPP - MWA Friendly Games 2018

17 | KUSMIAM

18 | IEM Distinguished Engineer Award 2018

19 | Relay For Life

20 | Perarakan Sambutan Hari Maulindur Rasul Peringkat Negeri P. Pinang

# CEO's MESSAGE



On 3/9/2018, the Minister of Water, Land and Natural Resources (KATS), YB Dr. Xavier Jayakumar publicly thanked the new Kedah State Government for putting an end to logging activities in the 163,103-hectare Greater Ulu Muda Forest Complex (Ulu Muda).

Ulu Muda is the most important water catchment area in North Malaysia. Its rainforests catch about 70% of Perlis raw water, 96% of Kedah's raw water and more than 80% of Penang's raw water.

About 4.09 million Malaysians living in our 3 northern states, as well as all the businesses that operate here, are highly dependent on the rain water caught by the rainforests of Ulu Muda.

Announcing a total ban on logging in Ulu Muda is a good start. However, Ulu Muda deserves to be conserved, properly and sustainably.

Now that the Malaysian Federal Government has acknowledged the importance of Ulu Muda, the next measures to be taken are to:

- Introduce a Federal law that provides legal protection to Ulu Muda as a "Northern Region Water Catchment Area" in perpetuity;
- Establish a Federal department to monitor and manage Ulu Muda, not only as a rainforest area, but as a regional water catchment area; and
- Provide Federal compensation to Kedah to conserve Ulu Muda, not only for Kedah, but for Perlis and Penang as well.

Kindly note that 3 key factors set Ulu Muda apart from all other rainforest areas in Malaysia:

1. It is the only regional water catchment area that serves 3 states;
2. There is no existing replacement for Ulu Muda as a regional water catchment area; and
3. Any negative development in Ulu Muda will adversely affect water supply services and all socioeconomic activities in North Malaysia.

In other words, Ulu Muda is a priceless and irreplaceable natural asset that "serves" Perlis, Kedah and Penang. Now is a good time to act, constructively and convincingly, to conserve it as such.

The Federal Government should protect Ulu Muda, not only for the birds and the trees. It should conserve Ulu Muda sustainably for the benefit of 4.09 million people living in Perlis, Kedah and Penang…and the next generations.



Dato' Ir. Jaseni Maidinsa
Chief Executive Officer,
PBA Holdings Bhd &
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)



# PROMOSI PROGRAM "SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU" (SKM-PPT) MWA ZON UTARA.

**30 Julai, 2018**





PBAPP melalui akademinya, Penang Water Services Academy (PWSA) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi mempromosikan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) untuk kakitangan industri bekalan air Malaysia.

Majlis yang dianjurkan oleh Malaysian Water Association (MWA) itu diadakan pada 30 Julai 2018 bertempat di Tingkat 5, KOMTAR, Jalan Penang Pulau Pinang. Seramai 50 peserta hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd dan Syarikat Air Perlis Sdn Bhd.

Majlis dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Ir. Abdul Kadir Bin Mohd Din, Pengerusi The Malaysian Water Association (MWA). Turut hadir Y.Bhg Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd serta En. Mohd Faris Jamaludin, wakil daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Dr. Hapidah Mohamad, Pengarah Latihan MWA.

Program ini membolehkan para pekerja berpengalaman dan mahir untuk mendapatkan pensijilan peringkat SKM tanpa perlu menjalani latihan Vokasional formal atau sepenuh masa. Pada akhir program, para peserta dikehendaki melengkapkan borang permohonan program SKM-PPT dan menyerahkan kepada penganjur dan seterusnya melayakkan para peserta memiliki SKM.

Malaysia perlu membangunkan kumpulan pekerja industri bekalan air yang kompeten, bagi menangani cabaran seperti perubahan iklim, sumber air mentah yang terhad, pertambahan dalam akaun air setiap tahun dan peningkatan permintaan air.

Bagi operator bekalan air, margin untuk kesilapan manusia akan sentiasa rendah, manakala impak sosial dan kos ekonomi untuk kesilapan itu akan sentiasa tinggi. Dalam konteks ini, latihan kompetensi dan pensijilan adalah keperluan kritikal untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik.



# QSH GREEN ACTIVITIES

## PENANG GREEN CARNIVAL

### 3-5 August 2018

The Penang Green Carnival (PGC) is an annual event by the Penang Green Council. AUTO-CITY organised the PGC 2018 in collaboration with the Penang State Government's Penang Green Council, the Malaysia Green Building Confederation (MGBC) Northern Chapter and the Green Building Index. The carnival was held from 3 Aug to 5 Aug 2018, 6pm - 12am in Smart Hall & Shop In D'Park, Auto-City. The carnival aims to create awareness and develop the growing interest among the public towards a greener and more sustainable living.

PBAPP has been supporting and participating the event since its inception. Personnel from the QSH (Green Technology) and Customer Service Departments manned the booth which caught the interest of visitors to the carnival. There was also a talk on water saving awareness.

The PBAPP booth featured and distributed water saving kits, a demonstration on the installation of the water saving kit, a demonstration of water flowrate using water saving devices and promotion of myPBA application to smartphone users.






## WATER SAVING AWARENESS AT TOSHIBA TEC MALAYSIA MANUFACTURING SDN. BHD.

### 28 September 2018

Toshiba Tec invited PBAPP to host an exhibition on water saving in conjunction with the company's Environmental, Health & Safety (EHS) program.

PBAPP set up a booth to demonstrate and create water saving awareness. Staff were given water saving kits at the PBAPP booth. There was also a demonstration on the installation of the water saving kit and the water flowrate with water saving devices.

## WATER SAVING AWARENESS AT IGEM 2018

### 17-20 October 2018

### Kuala Lumpur Convention Centre

The Penang State Government invited PBAPP to join them for the International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) 2018. PBAPP set up a booth at the Penang State Government Pavilion to promote water saving awareness. The PBAPP booth featured and distributed water saving kits and a demonstration on how to use the water saving kit.




# ANUGERAH EMAS MSOSH UNTUK 2 LOJI RAWATAN AIR DI PULAU PINANG

**9 Ogos 2018**







Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd memenangi 2 Anugerah Emas (Kelas I) oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH).

Anugerah emas adalah untuk pencapaian kemalangan sifar “LTI”, kemalangan dan kejadian berbahaya di Loji-loji Rawatan (LRA) Air Batu Ferringhi dan Bukit Toh Allang dalam tahun 2017.

Inilah kali pertama PBAPP menerima anugerah MSOSH Gold (Kelas I).

Pada asasnya, anugerah ini menunjukkan operasi bekalan air dan persekitaran kerja di dua LRA ini adalah antara yang paling selamat dan paling sihat di kalangan syarikat utiliti di Malaysia. Dari segi pengurusan, insiden sifar kecederaan dan kemalangan juga mencerminkan operasi bekalan air optimum, semangat kakitangan yang baik dan kecekapan kos.

Pada 9 Ogos 2018 yang lalu, Ketua Jabatan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan PBAPP, Encik Mak Kok Yun, menerima anugerah bagi pihak syarikat daripada Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsudin Bardan. Ia turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar.

# KONTINJEN PBAPP BERSEMANGAT DI PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KALI KE 61

## 31 Ogos 2018








Acara tahunan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-61 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di sepanjang laluan Lebuh Light seawal jam 9 pagi. Sambutan bertemakan ‘Sayangi Malaysiaku’ tersebut dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormat oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Ia disusuli dengan perbarisan dan perarakan masuk 110 kontinjen berjalan kaki dan 14 kontinjen berkenderaan. Perarakan pada tahun ini turut mencipta rekod apabila menerima bilangan peserta kawad yang paling banyak iaitu dengan jumlah keseluruhan 8,300 peserta.

Segak berpakaian seragam, kontinjen PBAPP yang diketuai oleh Ketua Jabatan Sumber Manusia, En. Teo Kah Cheong turut menerima suntikan semangat daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Dato Ir. Jaseni Maidinsa yang turut hadir memberikan sokongan padu kepada kakitangan yang mengambil bahagian.



# PULAU PINANG MENGALU-ALUKAN LANGKAH MENGHARAMKAN PEMBALAKAN DI ULU MUDA

**1 September 2018**

Pulau Pinang dan PBAPP mengalu-alukan pengumuman pembalakan diharamkan di hutan hujan Ulu Muda di Kedah.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), YB Dr. Xavier Jayakumar, dipetik oleh media massa *online* dan cetak pada 4/9/2018 dan 5/9/2018, sebagai berkata bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah bersetuju untuk larangan pembalakan di Ulu Muda.



Dalam konteks ini, terima kasih diucapkan kepada Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Mahathir, kerana keputusan penting ini. Begitu juga kepada YB Dr. Xavier kerana memudahkan perkara ini dilaksanakan.

Langkah melarang pembalakan di Ulu Muda ini dapat melindungi kawasan tadahan air yang paling penting untuk tiga negeri utara iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, ia perlu disokong oleh undang-undang iaitu dengan mewartakan undang-undang untuk melindungi Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air, memastikan perlindungan undang-undang meliputi keseluruhan kawasan hutan hujan Ulu Muda yang merangkumi 163,103 hektar dan mewujudkan agensi penguatkuasaan untuk menguatkuasakan undang-undang.

Tindakan tegas dan segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Kedah dan Kerajaan Persekutuan yang baru ini adalah sesuatu yang amat positif yang berniat baik.

Berita baik itu sememangnya telah dinantikan untuk sekian lama. Apabila ia benar-benar diumumkan, perlindungan Ulu Muda harus dibuat "secara rasmi" dengan prosiding undang-undang dan peruntukan yang sewajarnya untuk memastikan hutan hujan dilindungi secukupnya sebagai kawasan tadahan air bagi kita semua serta generasi seterusnya.




# ASIA PACIFIC MASTERS GAMES OPENING CEREMONY RUN

## 8 September 2018

A total of 70 members from PBA Sports & Recreational Club participated in the 2018 Asia Pacific Masters Games Opening Ceremony Run held on 8 September 2018 at Padang Kota Lama, Penang. The team members completed the 5 km run and successfully brought back the medal as a symbol of success for those who took part.

The Asia Pacific Masters Games 2018 (APMG 2018) were held from 7-15 September 2018 in Penang. A total of 22 sports were contested. More than 10,000 participants from around the world joined the APMG Penang 2018. APMG is an International Multi-Sport Events which holds the similar standard as the Olympic and Asian Games. Hence, it is devoted to delivering similar platforms and experiences as the world-class games to all who participated in APMG 2018. APMG is a regional multi-sport event which involves participants from the Asia-Pacific region.

APMG is recognised by the International Masters Games Association (IMGA) and the International Olympic Committee in order to ensure the standard of APMG 2018.





# MENGKUANG DAM VISIT BY PENANG CHIEF MINISTER

**8 September 2018**







Penang Chief Minister, YAB Tuan Chow Kon Yeow made a first visit to Mengkuang Dam on 8 September 2018, to get first-hand information and to view the Mengkuang Dam Expansion Project (MDEP).

Speaking to the media during the visit, YAB Chief Minister said that Penang is seeking the assistance of the Ministry of Water, Land and Natural Resources (KATS) to expedite works that will ensure the safety and functionality of the Mengkuang Dam Expansion Project (MDEP).

YAB Tuan Chow said that on 4/9/2018, he had a meeting with YB Dr. Xavier Jayakumar and a KATS delegation, where a few issues were raised :

- Penang would like to re-open the Mengkuang Dam to the public as a people-friendly recreational area. However, there are 23 landslide sites in the dam environment that have not been repaired.
- Raw water needs to be pumped up from Sungai Kulim to fill up the Mengkuang Dam. However, the Mak Sulong Pumping Station is not functional yet, and, as such, has not been commissioned.
- The Mengkuang Dam has been expanded to store up to 73.5 billion litres of water. However, the structural integrity of the dam cannot be ascertained until it is filled up to its maximum level of 55 meters.

He added that having a larger Mengkuang Dam is not enough. Penang needs the Mak Sulong Pumping Station to help fill up the dam during wet seasons. The 6.85km of new pipelines are also needed to deliver up to 600 MLD of raw water from the dam to the Sungai Dua WTP during dry seasons.

Penang needs a fully functional and safe MDEP to meet all the water supply needs of its people beyond 2020.

# 2 NATIONAL WATER AWARDS FOR PBAPP AND PENANG

**7 September 2018**




- *MWA Water Industry Achievement Award 2018 "Best Water Treatment Plant" for the Sungai Dua Water Treatment Plant.*
- *Malaysia Water Award for Management 2018 awarded to Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.*

PBAPP received two national-level awards from the Malaysian Water Association (MWA). The awards were handed out by YB Dr. Xavier Jayakumar, the Minister of Water, Land and Natural Resources (KATS), at the Marriot Hotel in Putrajaya on 7/9/2018.

The first award is the MWA Water Industry Achievement Award 2018 "Best Water Treatment Plant" for the Sungai Dua Water Treatment Plant (WTP). Sungai Dua WTP is the largest WTP in Malaysia and also houses PBAPP's Central Laboratory and the Penang Water Supply Command Centre.

The second award is the Malaysia Water Award for Management 2018 for PBAHB & PBAPP CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, in recognition of his outstanding management in the fields of water or wastewater engineering.








# PBAHB GROUP CORPORATE DINNER
**26 October 2018**




## IT WAS A ROCK & ROLL NITE






It was a night to cherish…a colourful and memorable occasion. Since the last dinner held in 2015, PBAHB and PBAPP have recorded significant achievements. There were many awards won, certifications achieved and performance indicators fulfilled. Thus, the management and staff, who had worked very hard for the company, deserved a night to celebrate.

Penang Chief Minister, YAB Tuan Chow Kon Yeow (Chairman of PBAHB and PBAPP) was the guest of honour and the dinner was also attended by some of the company Directors. There was fun entertainment, delicious food, great prizes and everyone had "rock n rolling" fun.


ROCK & RO


PBA
ROLL








CORPORATE DINNER
ROCK










PBA


Lucky draw
5th Prize
pple Ipad 128GB


PBA
ROCK & ROLL




PBA


LC135


PBA
ROCK & ROLL






# ANUGERAH PERKHIDMATAN 25 DAN 35 TAHUN

## 26 Oktober 2018

Seramai 4 orang yang berkhidmat dengan PBAPP selama 25 tahun dan 20 orang yang telah setia bersama PBAPP selama 35 tahun menerima anugerah mereka, yang diadakan bersekali dengan Majlis Makan Malam Korporat PBAHB 2018.

Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Pengerusi PBAHB ddan PBAPP, YAB Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan anugerah kepada penerima-penerima.

Bagi mereka yang mencapai 25 tahun perkhidmatan,mereka menerima hadiah sijil simpanan premium (SSP) BSN bernilai RM1,000.00 dan bagi 35 tahun perkhidmatan pula menerima hadiah SSP bernilai RM2,000.

CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyifatkan hadiah yang diberikan itu sebagai penghargaan oleh syarikat atas jasa dan kesetiaan mereka kepada Kumpulan syarikat PBAHB.







- Ir Mohd Jasni bin Abdullah
- Sarimah bt Abidin
- Asri bin Haji Dahamad
- Zulkifly bin Ahmad







- Khalil Bin Abu Bakar
- Ainon Binti Zakariah
- Koya Asrab Jailani Bin M Abdul Kader
- Ruslan Bin Arshad
- Rozali Bin Othman
- Fajar Mohd Bin Abdul Hameed
- Ruslan Bin Arifin
- Santhana John A/L Anthony Muthu
- Abdul Ghani Bin Othman
- Abd Rahman Bin Ahmad
- Balachandran A/L M Muthucanoo
- Mazni Binti Hashim
- Ban Poon Bee
- Kugasaravanamoorthy A/L M Subramaniam
- Tharm Shean Chea
- Lau Chin Hong
- Baba Noor Bin Baba Ahmad
- Osman Bin Awi
- Chan Ang Guat
- Apparoo A/L Sinnakanoo




# 22ND PBAPP-MWA FRIENDLY GAMES & STUDY TOUR 2018

**14-17 October 2018**






PBAPP once again played host to the contingent from the Metropolitan Waterworks Authority (MWA), Bangkok, Thailand for the 22nd PBAPP-MWA Friendly Games & Study Tour 2018, held from 14 – 17 October 2018. This event was held to strengthen the relationship between both organisations and also to exchange ideas on the latest developments in water supply management.

The contingent from MWA comprised of 120 participants, who took part in friendly games such as badminton, football, table tennis, bowling, snooker, darts, netball and sepak takraw. Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, Chief Executive Officer of PBAPP officiated the opening ceremony of the games. This year, MWA emerged as the Champion. The contingent later visited PBAPP's Sungai Dua Treatment Plant and Command Centre for a study tour.

The MWA contingent was also hosted to a half-day city tour around Penang and a dinner at the Wembley St Giles Hotel to mark the end of the visit.





# PBAPP TUAN RUMAH MESYUARAT DAN PERSIDANGAN KUMPULAN SUMBER MANUSIA INDUSTRI BEKALAN AIR SEMALAYSIA (KUSMIAM)

## 31 Oktober - 1 November 2018

Seramai 70 peserta yang terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan dan Pengurus Sumber Manusia daripada 13 Syarikat Bekalan Air di Malaysia menghadiri Mesyuarat dan Persidangan Kumpulan Sumber Manusia Industri Bekalan Air SeMalaysia (KUSMIAM) pada 31 Oktober – 1 November 2018, di Bayview Beach Resort, Batu Feringghi, Pulau Pinang. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd, Y.Bhg Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

KUSMIAM ditubuhkan pada tahun 2002 hasil pertemuan pertama yang pada masa itu dihadiri oleh wakil dan Ketua Jabatan Sumber Manusia dari RANHILL SAJ Sdn Bhd, Air Kelantan Sdn Bhd, Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd dan Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS).

Objektif penubuhan KUSMIAM adalah mewujudkan jalinan hubungan yang lebih erat di antara semua Pengurus-Pengurus Sumber Manusia Bekalan Air SeMalaysia serta menyediakan satu wadah perkongsian dan pertukaran pendapat berkaitan hubungan majikan dengan pekerja dan perhubungan industri.





Syarikat bekalan air yang menyertai program 2 hari itu adalah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), RANHILL SAJ Sdn Bhd, Air Selangor Sdn Bhd, Pengurusan Air Pahang Berhad, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS), Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB), Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU), Lembaga Air Perak (LAP), Syarikat Air Perlis Sdn Bhd (SAP), Lembaga Air Kuching, Jabatan Bekalan Air Labuan, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak, LAKU Management Sdn Bhd dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Barisan penceramah yang turut serta memeriahkan majlis adalah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Malaysian Employers Federation (MEF), ICC Consultant, Malaysian Water Association (MWA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Sesi mesyuarat juga telah sebulat suara menetapkan nama KUSMIAM ditukar kepada MyWINHR (Malaysian Water Industry Human Resource). Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) akan menjadi tuan rumah bagi persidangan dan Mesyuarat Kumpulan Sumber Manusia SeMalaysia (MyWINHR) tahun 2019.




# IEM PENANG'S "DISTINGUISHED ENGINEER AWARD"

**2 November 2018**







The Institution of Engineers, Malaysia, Penang Branch (IEM Penang) has presented Dato' Ir. Jaseni Maidinsa with its "Distinguished Engineer Award 2018".

IEM Penang Chairman Ir. Yau Ann Nian presented the award to Dato' Ir. Jaseni, the Chief Executive Officer of Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) and PBA Holdings Bhd (PBAHB), at IEM Penang's 51st Anniversary Dinner on 2/11/2018.

Dato' Ir. Jaseni's career in the water supply industry spans 33 years. During his tenure as CEO, PBAPP achieved many key milestones and he is also a strong advocate for:

- Sustainable conservation of water catchment areas (especially the 163,103 hectares of rainforests in Ulu Muda, Kedah);
- Holistic water supply management that focuses on both supply and demand management; and
- Water consumer awareness and education to promote a water saving society in Penang.



# PBAPP SUPPORTS RELAY FOR LIFE 2018

## 7 October 2018

Relay For Life (RFL) 2018 in Penang was held on 7th October 2018 at Stadium Olahraga, Universiti Sains Malaysia (USM). This year's event was officiated by Penang Chief Minister, YAB Tuan Chow Kon Yeow.

The event was organised by the National Cancer Society of Malaysia Penang Branch (NCSMPG). The campaign is aimed at raising awareness about cancer and to raise funds from participants, sponsors and other supporters. This is the 14th year that the event is being held in Penang.

This 'Relay for Life Penang 2018' is part of an effort to break the fear and ignorance surrounding cancer. FOUR key messages about cancer are highlighted in this campaign:

1. Practice a healthy lifestyle to reduce the risk of getting cancer;
2. Early detection and proper treatment saves lives;
3. Many cancers are treatable;
4. You are not alone. Everyone is at risk of getting cancer.

PBAPP is one of the main sponsors for the event.









# SEKITAR SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1440H

## 10 November 2018










Seramai 60 orang kakitangan PBAPP telah menyertai Hari Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 10/11/2018. Kali ini Daerah Barat Daya iaitu Balik Pulau telah diipilih oleh Kerajaan Negeri bagi penganjuran majlis ini.

Perarakan bermula dari Sekolah Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Balik Pulau. Sebanyak 54 buah kontinjen dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta mengambil bahagian pada majlis ini. Pelepasan kontingen dilakukan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut adalah Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas dan isteri. Toh Puan Datin Seri Hajjah Majmor binti Shariff.

Kontingen PBAPP yang diketuai oleh Yang DiPertua PKKI PBAPP, Encik Mohd Zulkifli bin Abdul Hamid, bersama kontingen-kontengen lainnya berarak ke Politeknik Balik Pulau, tempat Perhimpunan Ummah diadakan.

Pelbagai acara diadakan termasuk bacaan ayat-ayat Al-Quran, ceramah perdana oleh YBhg. Ustaz Nik Omar bin Nik Abdul Aziz, persembahan nasyid, anugerah tokoh Maulidur Rasul 1440 dan sebagainya.